



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	30/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 19
JABATAN	:	PERHILITAN		

# Beruang matahari mati dilanggar ketika lintas jalan

**Kuala Pilah:** Seekor beruang matahari mati selepas terbabit dalam kemalangan ketika sekumpulan binatang liar itu sedang melintas jalan di Kilometer 14, Jalan Seremban-Kuala Pilah, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 8.30 malam itu, beberapa kenderaan lain turut terbabit dalam kemalangan berkenaan ketika cuba mengelak kumpulan beruang berkenaan.

Ketua Polis daerah Kuala Pilah Superintendan Amran Mohd Ghani berkata, beruang yang mati itu dipercayai dilanggar beberapa kenderaan dari kedua-dua arah kerana tidak sempat mengelak.

"Berdasarkan siasatan, sebuah kenderaan yang di-

BERUANG matahari yang mati dilanggar kereta di Jalan Seremban-Kuala Pilah, semalam.



pandu seorang wanita dalam perjalanan dari arah Seremban menghala Kuala Pilah sedang menuruni bukit dekat Ulu Bendul.

"Bagaimanapun, secara tiba-tiba terdapat sekumpulan beruang matahari dipercayai dua hingga tiga ekor melintas dari kanan ke kiri jalan lalu wanita ber-

kenaan terlanggar beruang itu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Amran berkata, sebuah lagi kenderaan dari arah Kuala Pilah juga turut tidak sempat mengelak beruang terbabit lalu melanggarnya selain turut dilanggar beberapa kenderaan lain yang belum dikenal pasti setakat ini.

"Akibat kejadian itu, seekor daripada beruang berkenaan mati manakala kesemua pemandu kenderaan yang terbabit kemalangan tidak mengalami kecederaan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Negeri Sembilan, Nurul Ermi Ramli berkata, beruang terbabit mengalami kecederaan di bahagian badan dan muka dipercayai dilanggar kereta.

HM 30.12.2021\_19

